

Kestabilan politik 55 tahun hadiah kepada rakyat

UB 21-10-2012 A3

KOTA KINABALU: Kestabilan politik di bawah pemerintahan Umno dan Barisan Nasional (BN) sejak 55 tahun kemerdekaan adalah rahmat kepada rakyat Malaysia.


Mantan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik berkata kestabilan itulah mendorong beliau melanjutkan pelajaran hingga ke tahap Doktor Falsafah untuk mengkaji rahsia di sebalik kestabilan itu.

“Dengan kestabilan politik yang diasaskan oleh Umno dan BN, kerajaan boleh melaksanakan pelbagai program dengan berkesan sehingga rakyat boleh ditransformasikan.

“Contohnya, sebelum merdeka, rakyat kita miskin dan tidak berpengetahuan. Namun dengan adanya kestabilan politik, negara ini boleh melaksanakan program transformasi yang memberikan faedah kepada rakyat,” katanya kepada pemberita selepas menerima Ijazah Doktor Falsafah (Sejarah) pada majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-14 kelmarin.

Beliau berkata, antara dapatan kajian yang diperolehi di sebalik kejayaan pengekalan kestabilan politik di negara ini adalah pengalaman nilai-nilai penting seperti kesederhanaan, toleransi, kebijaksanaan, kebolehan pemimpin mengubahsuai dan yang lebih penting adalah negara sejak awal dahulu memilih integrasi daripada asimilasi seperti Indonesia, Filipina dan Thailand.

“Hasilnya, hari ini kita dapat menikmati



RAHIM

pembangunan yang hebat dan termaju di antara negara membangun dari Sabah ke Perlis,” jelasnya.

Rahim memperoleh gelaran itu menerusi tajuk tesis Umno dan Persoalan Kepimpinan Politik dalam Masyarakat Majmuk, 1969 - 1998.

Sementara itu, seorang graduan berasal daripada Brunei Darussalam, Zelzy Shahar Al-Johari yang mendapat Doktor Falsafah (Pengurusan Pendidikan) (PHD) bersyukur kerana berjaya mencapai sejarah dalam akademiknya sebagai pelajar asing pertama menerima PHD dari UMS.

“Saya selesaikan kajian saya dalam tempoh hampir empat tahun...sama seperti negara jiran lain, Brunei juga dalam mentransformasikan pendidikan.

“Sejak penubuhan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam sejak 60 tahun lalu...kini tiba masanya untuk mengkaji relevannya program perguruan di institut itu,” katanya.

Katanya, sampel kajiannya adalah terdiri daripada 300 orang guru lepasan institusi itu dan pada masa yang sama beliau juga menyokong hasrat Sultan Brunei dalam pandangan jauh untuk melihat pendidikan kelas pertama dalam melahirkan insan modal kelas pertama rakyat Brunei.

Menurutnya, pendidikan itu juga tidak lupakan konsep-konsep integrasi memartabatkan Islam Melayu beraja di dalam kemajuan pendidikan di Brunei.



ZELZY